

02 SEP 1996
ASW-Sambutan
SKIM ASW 2020 DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Skim Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 yang mula ditawarkan untuk langganan hari ini mendapat sambutan yang mengalakkan di seluruh negara, malah borang pendaftaran kehabisan di hampir semua pejabat ejen penjualan beberapa jam setelah ia dibuka untuk urusniaga.

Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib berkata sehingga pukul 4.30 petang ini sebanyak 63,273,003 unit saham bernilai RM63,273,003 telah dijual kepada warga Malaysia.

Daripada jumlah itu, sebanyak 9,296,416 junit yang bernilai RM9,296,416 dijual kepada Bumiputera sementara 53,976,587 unit saham dijual dengan harga RM53,976,587 kepada pelabur bukan bumiputera, katanya dalam kenyataan di sini.

Katanya, daripada segi bilangan pelabur pula, seramai 8,309 pelabur bumiputera dan 11,587 pelabur bukan bumiputera telah membeli unit ASW 2020 di semua 1,244 ejen berkomputer seperti bank, syarikat kewangan dan pejabat pos.

Sebanyak RM3,000 juta nilai saham bagi RM1 setiap unit dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu lepas dan ia ditawarkan kepada semua warga Malaysia berumur antara 12 dan 29 tahun.

Sebanyak 51 peratus unit saham diperuntukkan kepada Bumiputera sementara selebihnya untuk bukan bumiputera dan pelaburan boleh dibuat daripada 100 unit sehingga tahap maksimum 50,000 unit.

Mohd Hilmey berkata, Selangor merupakan negeri yang paling banyak menjual saham bernilai RM12,103,033 diikuti Wilayah Persekutuan (RM10,250,834), Perak (RM7,368,940), Pulau Pinang (RM5,286,111), Johor (RM4,615,743), Sarawak (RM4,515,022), Sabah (RM4,479,580), Kedah (RM3,298,081), Pahang (RM2,971,920), Kelantan (RM2,345,699), Negeri Sembilan (RM1,957,450), Melaka (RM1,674,740), Terengganu (RM1,286,610), Perlis (RM1,089,240) dan Luar Negara (RM30,000).

Beliau menjangka sambutan terhadap ASW 2020 akan terus rancak, berikutan hasrat orang ramai yang ingin merebut peluang membeli unit-unit dalam tempoh masa tawaran khas sehingga 30 Sept.

Peniaga Yong Nen Seng, 29, dari Setapak Jaya, di sini yang ditemui di bangunan PNB berkata beliau tidak mahu melepaskan peluang untuk melabur dalam ASW 2020 kerana ia terjamin.

"Saya berharap masyarakat bukan Bumiputera mengambil peluang melabur dalam skim ini kerana ia menjamin masa depan mereka. Kurangnya sambutan daripada golongan bukan Bumiputera terhadap ASW 2020 mungkin kerana mereka kurang maklumat mengenainya," kata Yong yang telah banyak melabur dalam saham lain.

Pekerja kilang, P. Subramanian dari Shah Alam, berkata beliau melabur dalam ASW 2020 demi untuk menjamin masa depan anak-anaknya memandangkan peluang sebegini bukan mudah diperolehi.

"Saya sanggup datang ke bangunan PNB untuk melabur dalam skim ASW 2020 kerana ia menjamin masa depan saya dan keluarga," katanya.

Bagi Mohd Azim Mohd Zahir, 12, dan abangnya Mohd Azarul, 18, mereka amat beruntung kerana ibu mereka sanggup mengambil cuti hari ini bagi menemani mereka melabur.

Mohd Azim yang bersekolah di Sek Ren St John, Bukit Nanas, di sini manakala abangnya yang menuntut di Institut Teknologi Mara, Shah Alam berkata, mereka memang berminat untuk melabur selain mendapat galakan

daripada ibu Anisah Mohd Ariff, seorang pensyarah di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras.

Di Seremban, Pegawai Amanah Saham Nasional (ASN) negeri Encik Sharom Bajuri berkata, kebanyakan bank dan pejabat pos terutama di Seremban kehabisan borang dalam tempoh beberapa jam ia dibuka pagi ini.

"Terdapat bank-bank yang terpaksa meminta pemohon mendapatkan borang di pejabat ASN negeri yang terpaksa menghantarnya ke bank berkenaan," katanya.

Di Pulau Pinang, Pengurus Amanah Saham Nasional cawangan Pulau Pinang, Encik Radzali Abdul Rahman berkata pejabat itu menerima banyak panggilan daripada orang ramai mengenai ASW 2020 dan sehingga pukul 4 petang, beberapa buah bank yang menjadi ejen pelaburan itu meminta tambahan borang pendaftaran.

Katanya, terdapat 84 ejen penjualan di negeri ini dan untuk permulaan setiap ejen dibekalkan antara 200 dan 500 helai borang.

Kebanyakan pelabur bumiputera menjalankan urusan di pejabat pos manakala BBMB, Kwong Yik, Maybank dan Maybank Finance menjadi tumpuan masyarakat bukan bumiputera.

Di Alor Setar, jurucakap cawangan Maybank berkata berpuluh-puluh pelabur masih beratur di kaunter bank untuk melanggan ASW 2020 sehingga waktu urusan bank tamat pukul 4 petang.

Di Ipoh, tinjauan mendapati ramai pelajar dan golongan muda membuka akaun masing-masing. -- BERNAMA

TEAM NMO